

Hari Terbuka KK5 UMP meriah



Pekan, 20 Mac– Perwakilan Pelajar Kolej Kediaman (PEKA 5) Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Hari Terbuka Kolej Kediaman 5 yang berlangsung selama seminggu berakhir Ahad lalu.

Pelbagai program diadakan sepanjang program berlangsung yang antaranya adalah Karnival Keusahawanan, Karnival Sukan, Karnival Kesukarelawan, Pertandingan Fotografi, Pertandingan Rocket Air (Water Rocket Challenge), Night Run UMP. Lain –lain adalah program Aman Palestin, Latihan Pertolongan Cemas, Pertandingan King of Fighter 4.0 dan pemeriksaan kesihatan yang terbuka untuk masyarakat sekitar Pekan.

Program perasmian penutup Hari Terbuka KK5 dirasmikan Yang DiPertua Majlis Daerah Pekan, Dato' Haji Ahmad Salhi Abdul Latif. Hadir sama Pengetua Kolej Kediaman 5, Dr. Siti Rabiattul Aisha Idris, Fello KK5, Muhammad Fauzi Ali dan pengarah program, Muhammad Azim Anwar Noor Hisham.

Dr. Siti Rabiattul berkata, program ini mendapat sambutan apabila lebih 2000 pengunjung hadir memeriahkan program yang terbuka kepada orang ramai dan seluruh warga UMP serta masyarakat sekitar UMP kampus pekan.



"Program pemeriksaan kesihatan juga diadakan bagi membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan persekitaran yang bersih. Begitu dengan penganjuran Festival Kesukarelawanan yang bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan warga kampus," katanya.

Turut diadakan pameran daripada Yayasan Kesukarelawanan Siswa (YSS), mjlis Kanser Nasional (MAKNA), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Solid Waste Cooperation (SWCorp), Pejabat Polis Daerah Pekan menerusi rakan Cop dan Kolej Komuniti Pekan. Selain itu, juga berlangsung ceramah perdana yang dihadiri Datuk Nik Ibrahim Nik Abdullah dari Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP).

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 22-03-2016, 15:02:46